

'Jangan jadikan COVID-19 alasan keciciran pelajaran'

Kementerian Pendidikan cari jalan usaha galak murid kembali ke sekolah, jamin keselamatan

BH 09/09/2020 (M/S 7)
Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Keningau: Kementerian Pendidikan melahirkan kebimbangan, isu keciciran murid dan pelajar mungkin meningkat tahun depan disebabkan peratus kehadiran ke sekolah yang merosot ketika ini, berikutan kebimbangan terhadap COVID-19.

Menteri Kanan Pendidikan, Dr Radzi Jidin, berkata Kementerian tidak mahu ancaman COVID-19 dijadikan alasan untuk tidak ke sekolah sehingga, akhirnya ramai murid dan pelajar tercicir daripada pelajaran.

"Kementerian akan mencari jalan dan berusaha menggalakkan murid serta pelajar kembali ke sekolah dan pada masa sama, memberi jaminan yang keselamatan mereka dijamin.

"Jika ada keperluan untuk tutup sekolah, kita tidak akan teragak-agak menutupnya jika ada nasihat Kementerian Kesihatan, tetapi ini tidak bermakna semua sekolah tutup.

"Kita faham ada pelajar yang sudah biasa duduk di rumah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tetapi jika mereka pilih tidak ke sekolah, kita bimbang tahun depan ini akan berterusan dan jika tidak ditangani, jumlah keciciran pelajar akan meningkat," katanya ketika menghadiri majlis perjumpaan bersama warga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)



Radzi bergambar bersama pelajar pendidikan khas pada Majlis Kupi Kupi di Sekolah Menengah Kebangsaan Tansau, Penampang, semalam. (Foto BERNAMA)

Gunsanad 2, di Keningau, di sini, semalam.

Radzi berkata, beliau juga sudah meminta Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk mengkaji serta memahami bagaimana untuk membantu murid dan pelajar yang sering tidak ke sekolah.

"Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan apa sahaja yang berlaku kita tangani dengan baik," katanya.

Sementara itu, ketika menghadiri Majlis Kupi-Kupi bersama warga pendidik dan ibu bapa sekitar daerah ini di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tansau, di Penampang, Radzi berkata, kementerian akan memberi penekanan untuk menambah baik dan memperkasakan lagi program pendidikan khas di Sabah, termasuk menyediakan kepakaran dan in-

Kementerian akan mencari jalan dan berusaha menggalakkan murid serta pelajar kembali ke sekolah dan pada masa sama, memberi jaminan yang keselamatan mereka dijamin.

Radzi Jidin,
Menteri Kanan Pendidikan

frastruktur lebih kondusif bagi pembelajaran murid berkeperluan khas di negeri itu.

Katanya, pembangunan pendidikan khas adalah antara komponen penting yang perlu diberi perhatian khusus dalam usaha membolehkan anak berkeperluan khas mendapat pendidikan

di sekolah.

"Ia adalah satu komponen penting. Masih banyak ruang untuk kita menambah baik program ini khususnya dalam menyediakan kepakaran dan infrastruktur untuk anak ini diberi ruang mendapat pendidikan di sekolah, akhirnya menjadi insan berdaya dan boleh bersama-sama dalam masyarakat.

"Ini bagi memastikan mereka mendapat kehidupan selesa apabila meningkat dewasa kelak," katanya.

Terdahulu, pada majlis itu, Radzi menyampaikan replika cek bernilai RM6.6 juta bagi tujuan elaun murid berkeperluan khas 2020 - Fasa Dua (Julai - Disember 2020) untuk Sabah kepada Pengarah Pendidikan Sabah Dr Mistirine Radin.

Pengetua SMK Tansau Rusmadi Ahmad turut menerima replika cek bernilai RM74,700 bagi tujuan elaun murid berkeperluan khas 2020 - Fasa 2 (Julai - Disember 2020) di sekolah berkenaan.